Utusan Borneo : 26 November 2026

Kes dadah: Lelaki didenda RM10,500

MIRI: Seorang lelaki didenda RM10,500 atau 12 bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tiga pensabitan memiliki dadah berbahaya jenis ketamine dan MDMA.

Tertuduh, Melvin Chiong Kiat Foong, 31, terdahulu mengaku bersalah atas tiga pertuduhan terhadapnya di bawah Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan bagi setiap tuduhan dihadapi.

Berdasarkan kes pertama, tertuduh bukan sebagai seorang yang diberi kuasa di bawah ADB 1952, didapati memiliki dadah berbahaya jenis ketamine seberat 0.69 gram.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 3 petang, 29 Ogos lalu di sebuah kedai makan di Jalan Maigold, Desa Senadin di sini.

Manakala bagi kesalahan kedua dan ketiga, tertuduh didapati melakukan kesalahan serupa dengan memiliki dadah ketamine seberat 18.3 gram dan 3,4-methylenedioxymethamphetamine (MDMA) seberat 3.63 gram.

Kedua-dua kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 7 malam, 29 Ogos lalu di Lorong Perdana 1B-1, Tudan Desaras di sini.

Selepas meneliti kesemua faktor termasuk pengakuan bersalah dan rayuan tertuduh, keterangan fakta kes, keseriusan kesalahan serta kepentingan awam, mahkamah kemudian mengenakan denda RM3,500 atau empat bulan penjara bagi setiap tuduhan yang dihadapinya.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry di hadapan Majistret Umi Syukriah Harun manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.